

Prospek Pertumbuhan Ekonomi Malaysia untuk 2017

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka lebih pantas pada tahun ini berbanding dengan tahun lepas. Tahun lepas pertumbuhan ekonomi yang diukur melalui pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) benar telah tumbuh pada kadar 4.2 peratus setahun. Pertumbuhan tersebut sebahagian besar dipacu oleh permintaan domestik kerana kelembapan ekonomi dunia. Kadar pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun lepas adalah 3.1 peratus setahun mengikut Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Kebanyakan rakan dagang Malaysia juga tumbuh dengan agak perlahan.

Dalam pada itu aliran perdagangan dunia juga agak lembap. Jumlah perdagangan dunia, iaitu mengambil kira jumlah eksport dan import barangan dan perkhidmatan, tumbuh dengan kadar yang agak perlahan, iaitu 2.2 peratus setahun mengikut IMF. Sebagai sebuah negara perdagangan, situasi ini sudah tentu akan sedikit sebanyak menjejaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Jumlah baki akaun semasa di dalam akaun imbalan bayaran negara untuk tahun 2016 telah berkurangan kepada RM29.0 bilion, berbanding dengan RM35.2 bilion untuk tahun sebelumnya.

Di dalam situasi tersebut, pergantungan kepada permintaan domestik, yang terdiri dari penggunaan dan pelaburan, untuk pertumbuhan ekonomi adalah amat penting. Permintaan domestik menyumbangkan 3.9 mata peratusan kepada pertumbuhan ekonomi 4.2 peratus untuk tahun lepas. Manakala, eksport bersih cuma menyumbangkan 0.2 mata peratusan. Manakala di dalam permintaan domestik, sumbangan utama adalah dari penggunaan swasta, yang menyumbangkan 3.1 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK benar.

Keadaan ini adalah tidak berapa sihat, kerana pergantungan kepada penggunaan swasta berlebihan akan menyumbangkan kepada peningkatan kadar inflasi. Dalam

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

pada itu hutang isi rumah akan turut meningkat sekiranya perbelanjaan secara kredit digalakkan. Ini merupakan suatu cabaran di dalam pengurusan ekonomi makro negara.

Tahun ini telah memberi satu permulaan yang baik. Ekonomi negara di suku pertama 2017 telah tumbuh dengan kadar yang agak memberangsangkan, iaitu 5.6 peratus setahun, melampaui pertumbuhan di setiap suku pada tahun lepas. Walaupun rata-rata pertumbuhan yang pantas ini adalah dipacu oleh penggunaan swasta, namun perdagangan antarabangsa telah menunjukkan prestasi yang baik di suku pertama 2017. Kedua-dua eksport dan import telah tumbuh dengan kadar dua digit, iaitu melebihi 10 peratus setahun di setiap bulan, yang tidak pernah dicapai di mana-mana bulan pada tahun lepas.

Kadar pertumbuhan import di setiap bulan didapati melebihi kadar pertumbuhan eksport, maka lebih dagangan tidak meningkat dengan signifikan walaupun masih positif. Keadaan ini tidak berapa sihat kerana ianya mengurangkan sumbangan permintaan antarabangsa terhadap KDNK negara. Namun demikian, ianya tidak perlu dibimbangkan dari sudut jangka panjang. Ini kerana peningkatan import yang mendadak sebenarnya lebih tertumpu kepada barangan modal dan barangan perantaraan, berbanding dengan barangan pengguna. Untuk suku pertama 2017, import barangan modal dan barangan perantaraan telah tumbuh masing-masing pada kadar 42.0 peratus dan 27.8 peratus setahun. Berbanding dengan barangan pengguna yang hanya tumbuh pada kadar 4.0 peratus setahun.

Peningkatan import barangan modal adalah baik untuk peningkatan kapasiti pengeluaran akan datang. Ianya merupakan suatu pelaburan. Manakala, peningkatan import barangan perantaraan melambangkan peningkatan eksport barangan untuk masa hadapan. Ini kerana barangan perantaraan adalah barangan yang digunakan untuk mengeluarkan barangan akhir yang majoritinya untuk pasaran eksport. Pengurangan import barangan pengguna pula adalah baik untuk mengekang peningkatan kadar inflasi kesan dari kelemahan nilai ringgit.

Lain-lain petunjuk positif terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia termasuk peningkatan kadar pertumbuhan ekonomi dunia. IMF mengunjurkan bahawa ekonomi dunia akan tumbuh pada kadar yang lebih pantas 3.5 peratus setahun untuk tahun ini.

Kebanyakan negara rakan dagang utama Malaysia, termasuk negara maju, diunjurkan mempunyai prestasi yang lebih baik untuk tahun ini. Amerika Syarikat (AS) dijangka akan terus tumbuh dengan baik pada tahun ini, iaitu pada kadar 2.3 peratus setahun. Jepun dijangka tumbuh pada kadar 1.2 peratus setahun, lebih pantas dari unjuran awal IMF iaitu sebanyak 0.8 peratus setahun. China juga dijangka tumbuh lebih pantas dari unjuran awal, iaitu pada kadar 6.6 peratus setahun, berbanding dengan 6.5 peratus unjuran sebelum ini. Kawasan euro juga dijangka tumbuh dengan lebih baik pada tahun ini dengan kadar 1.7 peratus setahun. Manakala UK dijangka tumbuh pada kadar 2.0 peratus setahun.

Pertumbuhan ekonomi yang baik di kalangan negara-negara rakan dagang utama Malaysia adalah berita baik untuk sektor perdagangan antarabangsa Malaysia. Dalam pada itu, pertumbuhan ekonomi China kini yang lebih baik dari jangkaan turut dipacu oleh penggunaan swasta. Ini akan membukakan peluang untuk peningkatan eksport Malaysia ke China. Keseluruhannya, IMF mengunjurkan jumlah dagangan dunia akan tumbuh pada kadar yang lebih laju, 3.9 peratus setahun.

Selain dari itu terdapat beberapa lagi data suku pertama atau separuh tahunan yang memberi petunjuk positif terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pertama, aliran masuk modal jangka pendek untuk pelaburan portfolio ke dalam pasaran kewangan Malaysia. Data untuk dua bulan terakhir, April dan Mei, menunjukkan aliran positif portfolio ke dalam negara. Walaupun aliran modal jangka pendek ini tidak jelas dari segi sumbangannya kepada KDNK negara, namun ianya memberi kesan positif terhadap sentimen awam. Umpamanya, kesan aliran masuk modal jangka pendek ini memberi kesan positif terhadap peningkatan nilai ringgit.

Ringgit juga telah menunjukkan peningkatan berbanding dengan beberapa mata wang kebelakangan ini. Di dalam suku kedua tahun ini nilai ringgit meningkat berbanding dengan kebanyakan negara utama rakan dagang Malaysia, kecuali euro dan pound sterling. Kesemua perkembangan positif terhadap data-data ekonomi penting ini mempunyai kesan bererti terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia untuk tahun ini dan tahun berikutnya. Prestasi variabel-variabel tersebut bukan sahaja mempunyai kesan langsung terhadap pertumbuhan KDNK, tidak kurang juga terdapat variabel yang

memberi kesan positif terhadap sentimen. Ini seterusnya juga turut menyumbang terhadap pertumbuhan ekonomi negara.